


conference proceeding



Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (FSPU)
Universiti Teknologi MARA (Perak)
<http://perak.uitm.edu.my/simpor9>



PENGURUSAN HARTANAH PERTANIAN PADI YANG EFEKTIF KE ARAH MEMPERKASAKAN ASNAF ZAKAT

Siti Nadiah binti Mohd Ali ^a, Nor Nazihah binti Chuweni ^b, Masthurhah binti Ismail
^c, Suhaila binti Ali ^d dan Nur'Ain binti Ismail^e

^{a,d,e} Fakulti Senibina Perancangan Dan Ukur, Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia.

^c Pusat Kefahaman dan Pemikiran Islam, Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia

Abstrak

Pengurusan harta tanah yang efektif ke arah memperkisasakan asnaf zakat dalam bidang pertanian amat penting bagi memastikan kemajuan ekonomi dan mengurangkan kadar kemiskinan terutamanya di luar bandar. Oleh itu, kajian yang dilakukan ke atas pengurusan dalam sektor pertanian padi ini dapat digunakan bagi membantu memperkisasakan ekonomi asnaf. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengurusan harta tanah pertanian padi yang efektif bagi menjana pulangan yang tinggi kepada pemilik dan pengusaha padi. Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang menggunakan data kualitatif dan kuantitatif. Data-data diperolehi daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada seluruh populasi seramai 56 orang responden yang terdiri daripada pemilik tanah dan pengusaha di Daerah Perak Tengah. Sebanyak 22 item soalan dirangka dan data dianalisis menggunakan transkripsi borang soal selidik. Hasil dipersembahkan dalam bentuk memerihalkan semula dapatan kajian untuk mendapatkan nilai pulangan bagi setiap pengusaha padi. Hasil kajian menunjukkan kadar pulangan yang diperolehi oleh pengusaha padi melayakkan mereka melunaskan zakat pertanian padi. Melalui kajian ini, pihak Majlis Agama Islam Negeri boleh mengenalpasti pengusaha yang layak melunaskan kadar zakat pertanian padi. Seterusnya zakat pertanian mampu menjadi sumber ekonomi negara sekaligus membasmi kemiskinan apabila zakat dapat dikeluarkan.

Kata Kunci: Pengurusan padi, kadar kemiskinan, pulangan pertanian padi, zakat pertanian padi.

1. Pengenalan

Kajian ini dijuruskan untuk mengkaji kadar kemampuan petani pertanian padi melunaskan zakat pertanian padi dalam usaha memenuhi tuntutan syariat sekaligus memacu ekonomi negara ke arah tahap tertinggi dalam sektor pertanian. Ini dapat dapat dibuktikan dengan Malaysia mensasarkan tidak lagi mengimport beras menjelang tahun 2015, melalui kenyataan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Wira Mohd Johari Baharum ini, menunjukkan kepentingan dan kemampuan sektor pertanian member sumbangan terhadap kepada negara. Dua instrumen penting yang digunakan dalam kajian ini adalah hasil pulangan pertanian padi yang diterima oleh pengusaha dan jumlah zakat pertanian padi yang layak dilunaskan mengikut kadar setempat. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah peruntukan yang besar bagi mengembalikan semula pertanian sebagai sumber ekonomi negara khususnya pertanian padi kerana banyak input-input subsidi diberikan kepada pengusaha padi. Di kalangan pemilik tanah ada yang memajakkan tanah mereka, namun ada juga yang mengusahakan sendiri tanaman tersebut. Melalui kajian ini, penulis ingin mengkaji adakah kadar pulangan yang diterima oleh pengusaha pertanian padi melayakkan mereka membayar zakat pertanian padi.

1.1 Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah :

- 1) Menganalisis hasil pulangan pengusaha tanah pertanian padi.
- 2) Menganalisis jumlah zakat pertanian padi yang layak dibayar oleh pengusaha tanah pertanian padi.

Penulis menjangkakan hasil kajian ke atas kadar pulangan harta tanah pertanian bagi tanaman padi ini akan memberi implikasi penting kepada perkembangan sektor pertanian padi. Ianya memberi satu petunjuk kepada kerajaan jika tanah pertanian padi mampu melayakkan pengusaha mengeluarkan zakat ini adalah salah satu usaha

membasmi kemiskinan di kalangan pengusaha pertanian padi dan kesedaran untuk memenuhi tuntutan syariat ini, perlu ditingkatkan.

2. Kajian Literatur

2.1 Sektor Pertanian

Sektor pertanian adalah sektor yang penting untuk dikembangkan ke tahap yang paling optimum di dalam negara kita. Melalui kajian, Timothy dan Luanne (2010) menyatakan faktor perolehan pendapatan yang tinggi daripada pertanian akan mempengaruhi pengusaha untuk melibatkan diri dalam pasaran pertanian.

Justeru itu, apabila mantan Perdana Menteri Malaysia yang keempat, Tun Abdullah Ahmad Badawi menguaruarkan “pertanian adalah perniagaan” ianya merupakan satu slogan yang tepat. Di mana melalui pengurusan harta tanah pertanian yang efektif ekonomi dapat ditingkatkan. Melalui pengurusan pertanian yang efektif juga akan mengurangkan kebergantungan kita kepada negara asing melalui pengimportan makanan. Menurut Mohd Razi Ismail (2006) pula sebagai sebuah negara yang kaya dengan sumber asli dan mempunyai alam sekitar yang harmoni, langkah bagi melaksanakan amalan pertanian yang mengarah kepada kelestarian merupakan asas bagi perkembangan pertanian di Malaysia.

Menurut Mohd Razi Ismail (2006) penggunaan tanah yang tidak efisien tanpa mengambil kira kecekapan penggunaan tanah merupakan masalah dalam pewujudan sistem pertanian yang maju dan berdaya saing. Penggunaan tanah yang tidak efisien menyebabkan petani mendapat hasil pulangan yang rendah walaupun menggunakan input pertanian yang tinggi seperti baja. Oleh sebab itu para petani masih gagal mendapat pulangan yang maksimum walaupun telah berusaha untuk memajukan tanah pertanian mereka.

Hartanah pertanian merupakan pelaburan yang selamat dan kerajaan selalunya akan memastikan industri pertanian berkembang dengan memberi subsidi serta sumbangan untuk meningkatkan pengeluaran dan menjalankan pembangunan, Mohd Yunus Abdul Rahman (1986).

Di Melaka sejak tahun 1840an, kebanyakan orang Melayu dikatakan mempunyai empat hingga lapan hektar sawah. Berpandukan pada perkembangan tersebut jelas menunjukkan fungsi dan peranan tanah sebagai satu sumber ekonomi yang perlu ditadbir urus dengan baik.

Penanaman padi juga terkandung dalam rangka objektif Dasar Pertanian Negara, menurut Main Rindam (1994) Dasar Pertanian Negara mengandungi tiga objektif besar. Objektif tersebut adalah :

- i. Memaksimumkan pendapatan dalam sektor pertanian melalui pengembangan sumber negara secara cekap dan berkesan supaya sumbangan sektor tersebut terhadap pertumbuhan ekonomi negara dapat ditingkatkan semula.
- ii. Memaksimumkan pendapatan pengusaha atau pekebun kecil melalui peningkatan daya pengeluaran supaya kadar kemiskinan dapat dikurangkan dan kualiti hidup keluarga dapat diperbaiki.
- iii. Memaju dan meningkatkan hasil mutu komoditi eksport, iaitu komoditi yang mempunyai potensi besar untuk eksport atau bahan gantian import serta komoditi terpilih untuk bahan makanan dan perindustrian.

Menurut Chong Kim Lin (1999) padi adalah tanaman makanan yang terpenting di Malaysia dan diusahakan melalui sektor pekebun kecil (80.6%) dan secara estet (19.4%). Melalui kajian yang dilakukan oleh Chong jelas menunjukkan jurang antara tanaman padi sektor pekebun kecil lebih besar peratusnya berbanding secara estet.

Menurut Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (2009) untuk meningkatkan produktiviti sektor tanaman padi, pembentukan semula petak sawah kecil menjadi lot besar seluas antara 1 hingga 1.5 hektar bagi setiap petak selaras dengan kehendak operasi ladang akan meningkatkan hasil tanaman padi. Ini sekaligus membuktikan sektor penanaman padi secara besar-besaran dapat meningkatkan produktiviti padi dan ianya dapat menampung keperluan negara sekaligus membasmi kemiskinan melalui zakat pertanian padi yang dikeluarkan.

2.2 Zakat Pertanian

Yusuf Qardawi (1986) berpendapat zakat, adalah salah satu bahagian dari aturan jaminan sosial dalam Islam, di mana aturan jaminan sosial ini tidak dapat dikenal pasti di Barat. Di Barat, ruang lingkup jaminan mereka hanya di lingkari jaminan pekerjaan dengan membantu golongan yang lemah dan fakir.

Sebagai sebuah negara yang harmoni Malaysia sering dicanangkan sebagai model negara Islam yang aman di rantau ini, namun masih tidak melepaskan diri dari belenggu kemiskinan. Perubahan dunia yang semakin mencabar kini, menjadikan setiap individu berlumba-lumba meningkatkan aktiviti ekonomi masing-masing. Sesiapa yang malas berusaha akan terus ketinggalan dalam arus kemodenan ekonomi, yang gigih berusaha akan terus mengecapi nikmat ekonomi yang lumayan.

Zakat harta benda mula difardhukan oleh Allah SWT sejak permulaan Islam lagi iaitu pada zaman Makkiyah. Perkara ini berdasarkan tolong-menolong antara golongan berada dengan golongan miskin sebagai salah satu amalan yang dipandang mulia. Pelaksanaan zakat zaman permulan ini adalah secara pilihan dan tidak ada kadar nisab, kadar wajib dan jenis harta benda yang wajib dikeluarkan zakat (Subhi, 1980:344).

Mengikut pendapat ahli perundangan muta' akhir kewajipan zakat pada zaman permulaan Islam adalah secara Tadarruj (beransur-ansur atau taklif berperingkat) iaitu tidak sekaligus bertujuan tidak menimbulkan masalah besar (Muhammad Khudri Bek, 1965:19). Al-Quran telah merakamkan mengenai zakat pada permulaan Islam ini di dalam beberapa surah antaranya:

Firman Allah yang bermaksud:

“..Dan dirikanlah solat, keluarkanlah zakat dan berikanlah pinjaman kepada Allah pinjaman yang baik, setiap perbuatan baik untuk diri kamu akan dapat lebih baik dan lebih besar pahalanya di sisi Allah.”

(Terjemahan surah al-Muzammil, ayat:20)

Firman Allah yang bermaksud:

“Dan mereka hanya diperintahkan agar menyembah Allah dengan tulus ikhlas, beragama untuk Allah, berdiri lurus menegakkan solat dan membayar zakat dan itulah agama yang betul”

(Terjemahan surah al-Bayyinah, ayat:5)

Firman Allah yang bermaksud:

“Dan sebahagian dari kekayaan mereka diberikan kepada golongan miskin (meminta) dan tidak meminta”

(Terjemahan surah al-Dzariyat, ayat:19)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa pada zaman permulaan Islam lagi zakat telah menjadi satu amalan yang tidak diwajibkan ke atas orang Islam bahkan ia dipandang sebagai satu sifat yang mulia.

Zakat difardhukan secara Ijbari (kuatkuasa) atau Izlam (wajib) di antara bulan Syaaban hingga Syawal pada tahun kedua Hijrah bersamaan 623M (Al-Dayarbakri,t.t :408). Keengganan membayar zakat boleh dikenakan hukuman bunuh atau dipaksa membayar oleh pemerintah (Al-Syarqawi, 1955: 57). Adalah menjadi kewajipan kepada petani-petani untuk mengeluarkan zakat dari hasil pertanian mereka.

Zakat terbahagi kepada 2 Jenis:

- i. Zakat Fitrah
- ii. Zakat Harta

Jenis-jenis harta yang diwajibkan zakat ialah:

- i. Zakat emas dan perak
- ii. Zakat perniagaan
- iii. Zakat binatang ternakan
- iv. Zakat pertanian/tanaman
- v. Zakat wang simpanan
- vi. Zakat saham
- vii. Zakat KWSP/LTAT

Zakat tanaman ialah zakat hasil tanaman yang diusahakan oleh orang Islam yang menjadi makanan asasi yang mengenyangkan ke atas sebuah negeri sama ada dalam bentuk biji-bijian (padi, gandum, jagung, sekoi, jenis-jenis kacang dan seumpamanya) atau buah-buahan (kurma dan anggur) dengan syarat-syarat tertentu.

2.2.1 Dalil Kewajipan Zakat Pertanian/Tanaman

Kewajipan zakat pertanian berdasarkan dalil dari firman Allah s.w.t yang bermaksud:

“Hai Orang yang beriman, nafkahkanlah sebahagian yang baik-baik dari hasil usaha kamu dari hasil yang kami keluarkan dari perut bumi dan janganlah kamu pilihkan yang buruk-buruk di antara yang kamu akan nafkahkan sedangkan kamu sendiri tidak mahu mengambilnya melainkan dengan memejamkan mata...”

(Terjemahan surah al-Baqarah, ayat: 267)

Firman Allah s.w.t lagi yang bermaksud:

“Dan Dialah yang menjadikan kebun-kebun yang berjunjung dan tidak berjunjung, pohon kurma, hasil tanaman yang beraneka jenis rasanya, zaitun dan delima yang serupa dan tidak serupa. Makanlah buahnya apabila berbuah dan bayarlah kewajipan zakat pada hari memetik hasil.”

(Terjemahan surah Al-An'am, ayat: 141)

Para Mufassirin (Ahli Tafsir) menjelaskan bahawa ayat di atas membawa maksud zakat pertanian. Ini adalah pendapat Anas bin Malik, Ibn Abbas, Tawus, Al-Hasan, Ibn al-Zayad, Abu Hanafiyah, Dahak, Sa'id bin Musayyib dan segolongan pengikut Syafie (Al-Qurtubi, 1967:99).

Dalil kewajipan zakat pertanian dari hadis pula ialah, sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

“Pada yang disirami hujan ‘Usyur (10 peratus) dan yang disiram denagnbaldi atau timba nisfal u’syur (5 peratus).”

(al-Baihaqi)

“Pada yang disirami air hujan ‘Usyur, pada yang disirami air yang diangkut nisfal ‘usyur”. -

(Muslim)

“ Pada yang disirami hujan, air mata air 10 peratus dan pada yang disirami air angkut 5 peratus”.

(al-Bukhori)

Hadis-hadis di atas menjelaskan secara terperinci mengenai zakat pertanian yang wajib dikeluarkan oleh golongan petani. Ijma' ulama' juga sepakat mengatakan bahawa hasil pertanian wajib dikenakan zakat (Al-Kasani, t.t: 926).

Kewajipan zakat ini adalah tanda kesyukuran hamba kepada khaliqnya dan merupakan amalan membersihkan diri petani agar sentiasa diberkati Allah s.w.t di samping membantu yang lemah (Mujaini Tarimin, 1990:19).

2.2.2 Syarat-Syarat Dan Kadar Zakat Pertanian/Tanaman

- i. Beragama Islam
- ii. Pemilikan sebenar (Al-Milk al-Tam)
- iii. Harta subur (Al-Nama')
- iv. Baki bersih keperluan asasi (sara hidup)
- v. Genap Haul (tempoh masa)
- vi. Cukup Nisab (Sukatan/kadar tertentu)

Kadar/nisab minima zakat pertanian adalah 5 awsuq (358.2 gantang), 1 gantang bersamaan 4 kati Malaysia, bermakna 5 awsuq bersamaan 1,434 kati. Kadar nisbah antara padi dan beras ialah 3:2. Ini menunjukkan bahawa nisab padi seberat 1,434 kati dan beras seberat 956 kati. Kadar nisab antara negeri-negeri di Malaysia pun tidak selaras, Kelantan dan Terengganu 375 gantang, Perak 363 gantang, dan Kedah 480 gantang.

2.2.3 Sistem Pelaksanaan Zakat Padi Di Perak

Enakmen yang pertama mengenai pentadbiran zakat dan fitrah ialah enakmen Baitul Mal Zakat dan Fitrah no.7 tahun 1951. Sekarang negeri Perak mempunyai Undang-undang zakat dan fitrah yang terbaru sebagaimana yang diberi kuasa oleh seksyen 106(1) dan (2) Undang-undang Pentadbiran Agama Islam, Perak 11/1965.

Undang-undang tersebut dinamakan Peraturan zakat dan Fitrah 1975 yang berkuatkuasa pada 29 Julai 1978. Manakala pentadbiran zakat pertanian di Perak pula, mengikut Peraturan Zakat 1975, ialah wajib menunaikan zakat apabila cukup nisab dan lebih. Ini dijelaskan dalam Fasal 4(1), (2), (3) yang berbunyi:

Fasal 4(1):

“Seorang Islam yang menanam padi atau gandum atau sekoi dalam masa 12 bulan qamariyah sama ada sekali tanam atau beberapa kali tanam dan mendapat sebanyak 363 gantang malaysia.”

Fasal 4(2):

“seorang Islam yang menanam jagung dalam masa 12 bulan qamariyah qamariyah sama ada sekali tanam atau beberapa kali tanam dan mendapat sebanyak 183 gantang Malaysia yang telah dibersihkan daripada tangkulnya hendaklah membayar zakat kepada amil yang bertauliah sebanyak 10%. Dengan syarat adalah zakat daripada wakil itu samalah seperti bayaran tuan tanah dan begitu juga bayaran oleh tuan tanah ialah seperti bayaran daripada wakil iaitu tujuannya bahawa zakat itu tiadalah dikutip lebih daripada satu kali pada mana-mana satu bendang atau ladang yang ditanam.”

Fasal 4(3):

“Bayaran itu hendaklah dibayar tiada lewat daripada akhir bulan selepas sahaja mengetam.”

Semua kerja zakat pertanian dilakukan oleh amil yang dilantik oleh Yang dipertua Majlis setelah dipilih di peringkat Ahli Jawatankuasa Zakat dan Fitrah serta disokong oleh Kadi Daerah. Amil berkuasa membuat pemeriksaan ke sawah atau ke bendang dan membuat anggaran zakat pertanian (Peraturan Zakat dan Fitrah Perak 1975).

3. Metodologi Kajian

Dalam kajian ini 2 jenis data akan digunakan iaitu data primer dan data sekunder.

3.1 Data Utama

Data utama yang digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif dan kuantitatif. Data kuantitatif, diperolehi dengan mengedarkan borang soal selidik. Soalan yang dirangka adalah untuk memperolehi beberapa pemboleh ubah yang ingin dikaji. Antaranya hasil pulangan padi semusim, kos operasi yang terlibat dan, nilai modal harta tanah pertanian padi, luas harta tanah yang diusahakan dan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan untuk membangunkan harta tanah pertanian tersebut. Dalam kaedah ini, pendekatan yang digunakan adalah dengan merujuk kepada temubual bersama pegawai Pejabat Pertanian Daerah Perak Tengah mengenai data petani yang mengusahakan pertanian padi. Melalui Pejabat Pertanian juga, bentuk subsidi yang diberi kerajaan boleh diketahui.

3.2 Data Sekunder

Data sekunder digunakan untuk tujuan mendapatkan maklumat yang telah diperakui, diperolehi melalui Pelan Rancangan Struktur dan Tempatan Majlis Daerah Perak Tengah.

4. Keputusan dan Analisis Data

4.1 Hasil Pulangan Pengusaha Dan Jumlah Zakat Pertanian Padi


Secara keseluruhannya, pertanian padi di Daerah Perak Tengah perlu dimajukan dan dibangunkan ke tahap yang paling optima. Ini bagi menjadikan Daerah Perak Tengah benar-benar mapan pertanian padi. Tanah yang subur,

maksud perundangan juga tiada halangan, maka kebanyakan tanah pertanian padi di Daerah Perak Tengah lazimnya mencapai tahap optimum.

Kawasan kajian adalah Lambor Kiri yang terletak di dalam Mukim Lambor di daerah Perak Tengah untuk dijadikan sampel kajian. Daerah Perak Tengah telah ditubuhkan pada 1 Januari 1976. Di mana daerah Perak Tengah mempunyai 11 mukim dengan keluasan 1,279 km² dan di antara mukim-mukim tersebut adalah Mukim Blanja, Mukim Layang-Layang, Mukim Bota, Mukim Lambor, Mukim Pulau Tiga, Mukim Kampung Gajah, Mukim Pasir Panjang Hulu, Mukim Pasir Salak, Mukim Bandar, Mukim Kota Setia dan Mukim Jaya Baru. (Majlis Daerah Perak Tengah, 2009)

Daerah Perak Tengah yang mempunyai keluasan tanah pertanian padi seluas 7,609 hektar. Kawasan-kawasan tanah pertanian padi di Perak meliputi juga kawasan Krian 22,988 hektar, Kuala Kangsar 1,548 hektar, Larut Matang 3,628 hektar, Hilir Perak 3,236 hektar, Hulu Perak 255 hektar (Kementerian Pertanian Malaysia, Perangkaan padi 1983).

Keluasan bertanam dan pengeluaran padi Malaysia mengikut negeri 2010 menunjukkan keluasan bertanam di negeri Perak 81,489 hektar dan pengeluaran padi 294,705 tan matrik (Jabatan Pertanian 2010, hal.18)



Rajah 1: Peta Daerah Perak Tengah
 Sumber: Majlis Daerah Perak Tengah

Keluasan Mengikut Mukim		
BIL	MUKIM	KELUASAN (Hektar)
1.	Blanja	22,274
2.	Layang-Layang	6,475
3.	Bota	17,094
4.	Lambor	10,101
5.	Pulau Tiga	13,727
6.	Kampung Gajah	5,957
7.	Pasir Panjang Hulu	11,914
8.	Pasir Salak	10,878
9.	Bandar	6,216
10.	Kota Setia	8,288
11.	Jaya Baru	15,022
JUMLAH		127,946 (1,279.46 km ² /per)

Jadual 4.1: Keluasan Mengikut Mukim Daerah Perak Tengah
 Sumber: Majlis Daerah Perak Tengah (2009)

Berdasarkan Jadual 4.1 di atas, hanya mukim Lambor, Blanja, Layang, dan Bota yang menjalankan penanaman padi secara lestari dan kecil-kecilan. Melalui 4 mukim ini juga, terdapat 7 Skim Pengairan yang mengairi kawasan penanaman padi di Daerah Perak Tengah termasuklah Skim Pengairan Lambor Kiri, Skim Pengairan Parit, Skim Pengairan Senin, Skim Pengairan Pendiat, Skim Pengairan Teluk Bakong, Skim Pengairan Kubang Haji, Skim Pengairan Bota Kiri.

Kawasan Lambor Kiri merupakan kawasan penanaman padi yang aktif di Daerah Perak Tengah. Tanaman padi yang diusahakan seluas 167 hektar merupakan tanaman kedua penting dan gunatanah kedua terbesar di Kawasan Lambor Kiri. Kawasan Lambor Kiri merangkumi 3 buah kampung yang mengusahakan tanaman padi iaitu Kampong Pulau seluas 36 hektar, Kampong Teluk Sena 66 hektar dan Kampong Lambor Kiri 65 hektar.

Dalam kajian ini menunjukkan bahawa pengusaha tanaman padi di Kawasan Lambor Kiri seramai 12 orang mewakili 167 hektar harta tanah pertanian padi. Penulis menggunakan kaedah borang soal selidik untuk mengumpul data.

Penulis mendapati tanah pertanian bagi tanaman padi seluas 167 hektar di kawasan Lambor Kiri adalah milik seratus-peratus orang Melayu Islam. Setelah memeriksa dan mengenalpasti hakmilik tanah yang terdapat di Pejabat Tanah dan Daerah Perak Tengah. Seseorang pengusaha lazimnya akan berurusan secara puratanya antara dua puluh hingga tiga puluh orang pemilik, bergantung kepada luas kawasan yang diusahakan oleh pengusaha terbabit.

Ada di antara pengusaha yang memajak harta tanah pertanian padi ini, sejak asalnya merupakan tanah terbiar. Oleh kerana, pengusaha mempunyai modal. Pengusaha telah menyediakan tapak tanah terbiar tersebut menjadi tanah sawah seperti yang ada pada hari ini. Penulis juga dapat membuat kesimpulan, pengusaha tanaman padi ini menjalankan pertanian secara kelompok di atas tanah pertanian padi ini.

The 9th Regional Symposium of The Malay Archipelago 2012 (SIMPOSIUM NUSANTARA 9 2012)
 11-12 Disember 2012, Perak, MALAYSIA

Hasil tanaman padi tidak dibahagi antara pengusaha dan pemilik. Pemilik cuma membayar sewa tanah atau nilai pajakan tanah sekitar RM180.00 sehingga RM250.00 satu ekar bagi satu musim bergantung kepada perjanjian yang dibuat antara pemilik dan pengusaha.

Merujuk Jadual 4.2 : Senarai Pengusaha Tanaman Padi Dan Keluasan Kawasan Tanaman Padi, pengusaha 1,pengusaha 2,pengusaha 3 dan pengusaha 4 merupakan pengusaha yang dikategorikan sebagai Usahawan Pertanian Padi, ini kerana mereka adalah pengusaha berskala besar. Keempat-empat pengusaha ini memiliki suku dari tanah sawah tersebut dan sebahagianya adalah milik masyarakat tempatan yang dipajakkkan kepada pengusaha. Menurut pengusaha keempat, beliau memajak tanah pertanian padi ini diperlukan perusahaannya dan lama-kelamaan beliau membeli hartanah berkenaan daripada pemilik tanah.

Jadual 4.2 : Senarai Pengusaha Tanaman Padi Dan Keluasan Kawasan Tanaman Padi Di Kawasan Lambor Kiri
 Sumber : Jabatan Pertanian Daerah Perak Tengah

Pengusaha Tanaman Padi	Luas Lot (hektar)	Kampung Yang Terlibat	Bilangan Pemilik Tanah Yang Memajakkan Tanah Kepada Pengusaha
Pengusaha 1	32 hektar	Kampong Teluk Sena	58 orang tuan tanah
Pengusaha 2	10 hektar	Kampong Teluk Sena	42 orang tuan tanah
Pengusaha 3	10 hektar	Kampong Lambor Kiri	40 orang tuan tanah
Pengusaha 4	80 hektar	Kampong Pulau	94 orang tuan tanah
Pengusaha 5	7 hektar	Kampong Lambor Kiri	25 orang tuan tanah
Pengusaha 6	6 Hektar	Kampong Lambor Kiri	21 orang tuan tanah
Pengusaha 7	5 hektar	Kampong Lambor Kiri	23 orang tuan tanah
Pengusaha 8	5 hektar	Kampong Pulau	26 orang tuan tanah
Pengusaha 9	3 hektar	Kampong Pulau	15 orang tuan tanah
Pengusaha 10	3hektar	Kampong Teluk Sena	21 orang tuan tanah
Pengusaha 11	3 hektar	Kampong Teluk Sena	20 orang tuan tanah
Pengusaha 12	3 hektar	Kampong Lambor Kiri	20 orang tuan tanah

Secara kasarnya satu hektar tanah sawah mampu menghasilkan tujuh tan padi.Tujuh tan padi ini adalah hasil yang produktif bagi keluasan satu hektar tanah sawah. Padi menghasilkan lima tan padi pada musim yang kurang baik. Musim yang baik didefinisikan apabila penyakit kurang menyerang tanaman, jika padi mengalami penyakit hasil yang diperolehi akan berkurangan. Secara kasarnya kos yang perlu dikeluarkan oleh pengusaha bagi setiap satu hektar adalah RM3,500 berdasarkan kos perparitan, kos benih,kos racun dan pelbagai kos sampingan yang mungkin digunakan.

Berdasarkan kepada Jadual 4.3; Contoh Pengiraan Kadar Zakat Pertanian Padi Di Kawasan Lambor Kiri, penulis mendapati kadar zakat yang harus dikeluarkan oleh pengusaha padi adalah setelah ditolak kos-kos yang terlibat.Ini bermakna, kadar zakat yang dikenakan sekitar 7.5% adalah berdasarkan nisab yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIAMP).

Jadual 4.3; Contoh Pengiraan Kadar Zakat Pertanian Padi Di Kawasan Lambor Kiri
 Sumber : Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIAMP)

Hasil jualan

Hasil jualan seorang pengusaha padi satu hektar semusim	RM7,000.00
subsidi sebanyak RM700.00(anggaran subsidi 10% bagi setiap satu hektar).	

Anggaran perbelanjaan kos ;

1. Kos baja/racun/ infrastruktur	RM 1,750.00
2. Sewa	RM 250.00
3. Upah tenaga kerja/tuaian(mesin)	RM 1,000.00
4. Pengangkutan (lori)	<u>+RM 500.00</u>

Jumlah tolakan

- RM 3,500.00

Baki

RM 3,500.00

Kadar Zakat

1. Tanaman (padi)	RM 3,500.00 X 7.5%	RM 262.50
2. Subsidi	RM 700.00 X 2.5%	<u>+ RM 17.50</u>

Jumlah perlu dibayar zakat bagi satu hektar semusim

RM280.00

Menurut MAIAMP biji-bijian dan buah-buahan yang cukup nisabnya hendaklah dibayar zakatnya mengikut peratus penghasilan. Kadar peratus pembayarannya bergantung kepada cara-cara penghasilannya. Biji-bijian dan buah-buahan yang sampai nisab dan diusahakan dengan menggunakan tenaga manusia atau lainnya seperti binatang dan jentera atau dengan perbelanjaan yang banyak maka kadar zakatnya ialah 5% atau 1/20.

Biji-bijian dan buah-buahan yang sampai nisab yang hanya bergantung kepada jirusan air hujan atau hidup dengan aliran sungai atau parit maka kadar zakatnya ialah 10% atau 1/10. Bagi tanaman yang menggunakan kedua-dua cara di atas maka kadarnya ialah 7.5%. Oleh yang demikian, zakat bagi tanaman padi diambil 7.5% daripada hasilnya kerana cara pengusahaannya yang menggunakan aliran air dari parit dan penggunaan jentera pembajak.

Kadar zakat yang dikenakan sama ada 5%, 7.5% atau 10% ternyata bergantung kepada cara penghasilan padi yang diusahakan oleh pengusaha. Penentuan ukuran nisab adalah selepas tolakan kos (sekiranya harga padi selepas ditolak kos operasi kurang dari Nisab, maka zakat tidak diwajibkan).

Bagi subsidi yang ditolak adalah berdasarkan kadar yang diberi oleh kerajaan, ianya juga dinamakan sebagai harta perolehan (al-mal al-mustafad) dan oleh yang demikian di dalam pengiraan zakat ianya perlu dikira dengan kadar 2.5% yang dikira atas nilai keseluruhan harga subsidi padi.

Menurut MAIAMP padi yang cukup nisabnya ialah 5 ausak bersamaan dengan 400 gantang, dan bersamaan pula dengan 0.828 tan (Nisab bagi Negeri Perak) hendaklah dibayar zakatnya.

Menurut MAIAMP hukum asal bagi bayaran zakat boleh dengan padi atau dengan harga padi tersebut dan pada dasarnya petani diwajibkan membayar zakat pertanian dengan menggunakan hasil tuaian tanamannya, tetapi sebahagian ulama fiqah membolehkan pembayaran zakat dengan menggunakan nilai harganya iaitu secara menghitung kuantiti hasil tanaman yang wajib dikeluarkan zakat seterusnya mentaksirkan nilai harganya dengan harga pasaran kemudian membayarnya dalam bentuk wang tunai. Padi zakat tidak boleh dijual kecuali dengan kelulusan Majlis Agama Islam Perak dan mengikut harga yang ditetapkan sendiri oleh Majlis.

Melalui kajian ini, penulis mendapati hasil pertanian padi yang mampu dihasilkan oleh pengusaha padi adalah sangat tinggi. Ini menunjukkan hasil produktiviti tanaman padi dipengaruhi oleh pengurusan hartanah pertanian yang efektif. Selain usaha pengusaha yang gigih bergelumang dengan sawah padi, pengusaha juga mendapat maklumat dan bantuan yang berterusan dari pihak kerajaan melalui agensinya seperti Jabatan Pertanian Daerah.

Berdasarkan kajian yang jalankan, penulis mendapati kesemua pengusaha padi di kawasan Lambor Kiri layak membayar zakat, memandangkan hasil pertanian mereka cukup nisabnya untuk dizakatkan. Bagi negeri Perak, kadar zakat pertanian bagi tanaman padinya telah ditetapkan sebanyak ialah 5 ausak bersamaan dengan 400 gantang, dan bersamaan pula dengan 0.828 tan (Nisab bagi Negeri Perak) hendaklah dibayar zakatnya. Kesemua dua belas pengusaha direkodkan memperolehi lebih 0.828 tan semusim bagi setiap satu hektar sawah yang diusahakan.

Jadual 4.4: Jumlah Zakat Pertanian Padi Yang Layak Dibayar Oleh Pengusaha
 Sumber: Penulis

Pengusaha Tanaman Padi	Luas Lot (hektar)	Berat Padi (Tan)	Anggaran Hasil Pengeluaran Padi Bersih (RM)	Jumlah Zakat Pertanian Padi Yang Layak Dibayar Setelah Ditolak Subsidi (RM)	Tempoh Mengusahakan Tanaman Padi Oleh Pengusaha
Pengusaha 1	32 hektar	26.496	RM 112,000.00	RM 7,418.88	15 tahun
Pengusaha 2	10 hektar	8.28	RM 35,000.00	RM 2,318.40	15 tahun
Pengusaha 3	10 hektar	8.28	RM 35,000.00	RM 2,318.40	15 tahun
Pengusaha 4	80 hektar	66.24	RM 280,000.00	RM 18,547.20	18 tahun
Pengusaha 5	7 hektar	5.796	RM 24,500.00	RM 1,622.88	10 tahun
Pengusaha 6	6 Hektar	4.968	RM 21,000.00	RM 1,391.04	10 tahun
Pengusaha 7	5 hektar	4.14	RM 17,500.00	RM 1,159.20	10 tahun
Pengusaha 8	5 hektar	4.14	RM 17,500.00	RM 1,159.20	10 tahun
Pengusaha 9	3 hektar	2.484	RM 10,500.00	RM 695.52	5 tahun
Pengusaha 10	3hektar	2.484	RM 10,500.00	RM 695.52	5 tahun
Pengusaha 11	3 hektar	2.484	RM 10,500.00	RM 695.52	5 tahun
Pengusaha 12	3 hektar	2.484	RM 10,500.00	RM 695.52	5 tahun

Merujuk kepada Jadual 4.4; Jumlah Zakat Pertanian Padi Yang Layak Dibayar Oleh Pengusaha di atas, penulis mendapati faktor utama yang mempengaruhi keuntungan pengusaha adalah luas tanah yang dipajak, modal yang mencukupi dan penggunaan baja berteknologi tinggi.

Melalui temu bual dan carian di halaman web MAIAMP penulis tidak mempunyai data yang tepat berkenaan dengan kutipan zakat tanaman padi di Lambor Kiri. Namun melalui temu bual yang penulis kendalikan bersama pegawai dari Jabatan Zakat dan pengusaha padi jelas menunjukkan zakat tidak dibayar kepada pihak berkuasa.

The 9th Regional Symposium of The Malay Archipelago 2012 (SIMPOSIUM NUSANTARA 9 2012)
11-12 Disember 2012, Perak, MALAYSIA

Tetapi pengusaha tanaman padi di Lambor Kiri, menunaikan zakat dengan mengenalpasti sendiri golongan yang layak menerima zakat mereka. Lantaran itu, untuk menjadikan zakat sebagai satu indikator ekonomi akan terbantut. Sikap pengusaha yang enggan membayar zakat kepada pihak berkuasa adalah satu sebabnya juga menyebabkan kutipan zakat tanaman tidak menentu selain produktiviti yang terganggu jika penyakit menyerang.

Jadual 4.5 : Kutipan Zakat Tanaman Dari Tahun 2003 Sehingga 2012
Sumber : Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak

Tahun Kutipan	Jumlah Kutipan
2003	RM 16,271.90
2004	RM 34,600.15
2005	RM 31,328.45
2006	RM 21,849.88
2007	RM 31,311.07
2008	RM 32,229.30
2009	RM 22,211.92
2010	RM 56,839.72
2011	RM 33,240.75
2012 (JAN-SEPTEMBER)	RM 33,428.70

Berdasarkan jadual kutipan zakat di atas, jelas menunjukkan kutipan zakat tidak menentu di kalangan pengusaha padi. Banyak faktor yang boleh dijadikan sebagai penyebab mengapa zakat tanaman ini tidak banyak kutipannya. Faktor-faktor ini boleh dijadikan kajian lanjutan untuk dikaji oleh penulis.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini memberikan satu perspektif baru kepada pengusaha tanaman padi bahwasanya mereka merupakan pemangkin ekonomi negara dan umat. Perkara yang paling penting di sini adalah untuk memberi kesedaran kepada pengusaha tanaman padi supaya menganggap zakat sebagai instrumen yang boleh memacu perkembangan ekonomi dan menyucikan harta. Melalui zakat juga secara tidak langsung ianya dilihat sebagai satu medium untuk membasmi kemiskinan.

Tangan yang di atas, membantu tangan yang di bawah, dan tangan yang di bawah bukan untuk terus menerima bantuan sahaja tetapi perlu berazam untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Zakat bukan sahaja terhad kepada zakat pendapatan, zakat emas, zakat ternakan, malah zakat tanaman khususnya bagi tanaman padi boleh menghasilkan pendapatan yang lumayan jika diusahakan secara efektif. Pengiktirafan Malaysia sebagai sebuah negara Islam adalah satu kerugian yang besar jika zakat tidak diangkat sebagai medium membasmi kemiskinan melalui pengurusan harta tanah pertanian padi yang efektif.

RUJUKAN

Adesoji O. Adelaja, Yohannes G. Hailu and Ahadu T.Tekle (2010) Evidence of land hoarding behavior in US agriculture, Vol. 70 No. 3, Emerald Group Publishing Limited.

Ahmad Mahdzan Ayob (1990) Pengurusan Ladang Teori Dan Amalan, Edisi Ketiga,Cetakan 1, Ampang, Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Ahmad Nazri Abdullah (1985) Melayu Dan Tanah: Media Intelek Sdn. Bhd.

Al-Dayarbakri, Husin bin Muhammad, t.t, *Tarikh al-Khamis fi Ahwal Ansor Nafis*, Beirut.

Al-Kasani, ‘Ala al Din Abu Bakr bin Mas’ud, t.t, *Bada’i al-Sana’i fi Tartib al-Syara’i*, Jilid 2, *Maktabah al-Imam: Mesir*.

Al-Qurtubi, 1967, *Tafsir al-Qurtubi*, Jilid 7, Dar al-Kitab: Mesir.

The 9th Regional Symposium of The Malay Archipelago 2012 (SIMPOSIUM NUSANTARA 9 2012)
11-12 Disember 2012, Perak, MALAYSIA

Al-Syarqawi, 'Abdullah, 1955, *Fath al-Mubdi*, Jilid 2, Mesir.

Chong Kim Lin (1999) Fokus Sains Pertanian, Cetakan 1, Bandar Baru Bangi, Selangor:Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Chua Yan Piaw (2006) Kaedah Dan Statistik Penyelidikan, Mc Graw Hill, Dicetak Di Malaysia

Dr. Mohd Idris b. Hj. Zainal Abidin (1989) Tanaman Bijian, Cetakan 2, Ampang, Selangor : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Dr. Yusuf al-Qardawi, 1981, *Fiqh al-Zakah*, Maktabah al-Risalah: Beirut.

Iman Ahmad dan Nora Samat (2002) Teknologi Pertanian,Cetakan 1,Taman Maluri,Kuala Lumpur, Jade Green Publications Sdn. Bhd.

Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia MARDI (2002) Manual Pengendalian Lepas Tuai Dan Pengilangan Padi Dan Beras Berkualiti, Kementerian Pertanian Malaysia.

Ismail Omar (1997) Penilaian Harta Tanah, Cetakan 2, Ampang, Selangor : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (2009) Agro Biz Pertanian Adalah Perniagaan, Utusan Malaysia.

Main Rindam (1994) Tanah Terbiar Masalah Dan Penyelesaiannya, Cetakan 1, Ampang, Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Malaysia, "Buku Maklumat Jabatan Pertanian 2010", Kementerian Pertanian Malaysia.

Malaysia, 1984, "Perangkaan Padi 1983", Jadual B9, hal.19, Kementerian Pertanian Malaysia.

Mohd Razi Ismail (2006) Pertanian Lestari, Cetakan 1, Kompleks Dawama, Ampang, Selangor: Dawama Sdn. Bhd.

Muhammad Khudari Bek, 1965, *Tarikh al-Tasyri' al-Islami*, Al-Tujjariyah al-Kubra:Mesir.

Mujaini Tarimin, 1990, *Zakat Pertanian: Sistem dan Pelaksanaannya*, DBP: Kuala Lumpur.

Nigel Key (2011) "Does The Prevalence of Contract Hog Production Influence the Price Received by Independent Hog Producers", Journal of Agricultural & Food Industrial Organization: VOL 9:Iss. 1.Article 2.

Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah Perak, 1975, Seksyen 13(19),(2), 17(1).

Risalah *Zakat Tanaman*, Terbitan: Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak.

Subhi Salleh, 1980, *Al-Nuzum al-Islamiyah*, Dar al-Malayin: Beirut.